

DW 4.5: Cadangan Meningkatkan Produktiviti untuk Penanaman Padi

Cadangan menggunakan benih padi yang berkualiti merupakan inisiatif yang disyorkan untuk meningkatkan hasil pengeluaran padi di dalam Johor Utara. Cadangan ini melibatkan enam (6) kawasan sawah padi di dalam Daerah Muar dan Daerah Tangkak.

CADANGAN TINDAKAN DAN PROGRAM

Justifikasi Cadangan:

- Sasaran untuk meningkatkan produktiviti pengeluaran padi sehingga 6m/tan/hektar bagi luar kawasan jelapang padi utama.
- Meningkatkan pendapatan pengusaha dan petani dengan menggalakkan golongan muda bergiat aktif dalam tanaman makanan yang menggunakan teknologi moden.

Komponen Cadangan:

- Menaiktaraf sistem pengairan & sumber bekalan air yang lebih sistematik.
- Perolehan benih padi M263 daripada pihak MARDI.
- Pematuhan kepada jadual penanaman berdasarkan garis panduan yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Pertanian Malaysia.
- Perataan tanah yang efisien dan penaburan benih menggunakan mesin secara kadar boleh ubah (VRT) bagi memastikan penapakan pokok padi yang baik dan seragam.
- Penjimatan penggunaan baja sebanyak 15%-25% per hektar melalui penggunaan sistem pembajaan secara kadar boleh ubah (VRT).
- Pengurangan tenaga buruh sehingga 50% bagi aktiviti penaburan benih dan pembajaan melalui teknologi VRT.
- Meningkatkan kecekapan pengesanan kebarangkalian berlakunya wabak bena perang dan penyakit karah untuk padi sebanyak 50% di Kawasan terpilih.

Kaedah Pelaksanaan:

- Kerjasama awam dan swasta (Jabatan Pertanian, Pejabat Daerah dan Pemilik Tanah).

CADANGAN LOKASI

Cadangan meningkatkan produktiviti penanaman padi melibatkan empat kawasan sawah padi seluas **1,207 hektar**.

Sawah	Luas Pasel Aktif (Hek)
Sungai Balang (Daerah Muar)	364
Telok Rimba (Daerah Tangkak)	309
Sawah Ring (Daerah Tangkak)	331
Kesang Tasek (Daerah Tangkak)	120
Kesang Gate (Daerah Tangkak)	32
Sawah Pulau Penarek (Daerah Tangkak)	51
Jumlah	1,207

AGENSI PELAKSANA


Pemula	Pelaksana
<ul style="list-style-type: none"> • MARDI • Jabatan Pertanian • BPEN Johor 	<ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Pertanian • Pengusaha/Pemilik Tanah • Petani

ANGGARAN KOS

- Kos Penyelenggaraan = RM 5,000 per hektar bagi (luas 1,207 hek) dengan jumlah kos RM 6,035,000.

Jumlah Keseluruhan Kos: RM 6,035,000

FASA PELAKSANAAN




Enam (6) kawasan pengeluaran padi utama telah dikenal pasti dengan jumlah keseluruhan pengeluaran padi 3,125 Mt pada tahun 2019/2020. Daerah Tangkak mencatatkan luas bertanam yang terbesar dengan keluasan 600 hektar dengan jumlah pengeluaran padi 2,127 Mt, iaitu 68% daripada jumlah keseluruhan pengeluaran padi bagi Johor Utara. Perincian keluasan bertanam, purata hasil padi bersih dan pengeluaran padi adalah seperti berikut.

Jadual 4.8: Keluasan Bertanam, Hasil Padi Bersih dan Pengeluaran Padi (Musim Utama) di Johor Utara Tahun 2019/2020

Daerah	Nama Sawah	Luas Kasar Skim (Hektar)	Luas Pasel Aktif (Hektar)	Luas Bertanam (Hektar)	Purata Hasil Padi Bersih (Kg/Hek.)	Pengeluaran Padi (Mt)
Muar	1. Sungai Balang	364	364	287	3,478	998
	Jumlah	364	364	287	3,478	998
Tangkak	2. Telok Rimba	309	309	154	3,645	561
	3. Sawah Ring	331	331	288	3,981	1,147
	4. Kesang Tasek	120	120	75	4,106	308
	5. Kesang Gate	32	32	32	3,478	111
	6. Pulau Penarek	51	51	51	-	-
	Jumlah	843	843	600	3,872	2,127
	Jumlah Keseluruhan	1,207	1,207	887	-	3,125

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Johor, 2021.

Rajah 4.42: Perbandingan Purata Hasil Padi Bersih (Kg/Hek) Mengikut Kawasan Sawah Padi di Johor Utara Tahun 2020



Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Johor, 2021.

Dalam usaha meningkatkan lagi produktiviti semasa pengeluaran padi, dicadangkan penggunaan benih padi M263 yang berkualiti sebagai inisiatif strategik untuk dilaksanakan.

Kelebihan benih padi ini adalah:

- i. Sesuai ditanam di semua kawasan jelapang padi dan juga di kawasan tanah kurang subur.
- ii. Mempunyai umur matang sekitar 97 – 104 hari selepas tabur (7 hari lebih awal daripada MR 219).
- iii. Mempunyai ketinggian pokok yang jauh lebih rendah (tahan rebah).
- iv. Rintangan terhadap penyakit dan perosak utama di tahap sederhana.
- v. Perolehan beras kepala MR 263 adalah 10% lebih baik daripada MR 219 disebabkan oleh berasnya yang lebih pendek dan lebih lebar.



Foto: Sawah Padi Kg. Sungai Balang
Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 3: Johor Utara), 2021




Foto: Sawah Padi Kg. Telok Rimba
Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 3: Johor Utara), 2021



Foto: Sawah Padi Kg. Sawah Ring
Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 3: Johor Utara), 2021

Rajah 4.43: Cadangan Meningkatkan Produktiviti untuk Penanaman Sawah Padi



Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 3: Johor Utara), 2021

PETUNJUK:

- | | |
|--|--|
| ● Taburan Kampung Daerah Muar | Sawah Padi |
| ● Taburan Kampung Daerah Tangkak | 1 - Sawah Ring |
| ● Taburan Kampung Daerah Segamat | 2 - Telok Rimba |
| Sempadan Fasa 3 (Johor Utara) | 3 - Kesang Tasek |
| Sempadan Daerah | 4 - Pulau Penarek |
| Sempadan Negeri | 5 - Kesang Gate |
| Lebuhraya PLUS | 6 - Sungai Balang |
| Rangkaian Jalan Raya | |
| Laluan Kereta Api | |
| Laut | |